

TINGKATAN 5

# PERNIAGAAN

**BAB 2**

**PENGURUSAN SUMBER  
FIZIKAL DAN TEKNOLOGI**



**PN. NORHAFIZAH BINTI MD  
YUSOF**

**Guru PERNIAGAAN Negeri Melaka  
Ketua Panitia PERNIAGAAN  
SMK Kampung Gelam, Melaka**

## 2.0 PENGENALAN

- **SUMBER FIZIKAL** – apa yang diperlukan oleh perniagaan untuk menjalankan operasi
- **ASET** yang berbentuk ketara atau nyata
- **TUJUAN MENGURUS** – memastikan berada dalam keadaan selamat, berfungsi dengan baik serta digunakan tanpa pembaziran

## 2.1 TUJUAN MENGURUS SUMBER FIZIKAL YANG DIPERLUKAN DALAM OPERSAI SESEBUAH PERNIAGAAN

### Sumber Fizikal

- \* Berbentuk ketara dan nyata
- \* Digunakan untuk menjalankan perniagaan

Bangunan dan kemudahan

Peralatan Teknologi maklumat dan komunikasi

Bahan mentah

Kilang dan mesin

Stok

Produk siap

# JENIS SUMBER FIZIKAL



## Bangunan Dan Kemudahan

- Tempat beroperasi pengeluaran
- Kelengkapan infrastruktur perniagaan



## Kilang dan Mesin

- Kilang - Tempat proses bahan mentah menjadi produk siap
- Mesin - jentera yang digunakan untuk proses pengeluaran produk
- Lokasi kilang sesuai dengan jenis produk yang dikeluarkan
- Mesin perlu di selenggara supaya tidak berlaku kerosakan



## Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Peralatan moden berfungsi untuk komunikasi dengan pihak lain bagi memudahkan urusan perniagaan
- Contohnya telefon, komputer, mesin cetak dan mesin fax

# JENIS SUMBER FIZIKAL



## Stok

- Barang siap yang disimpan dalam gudang sebelum dijual
- Tujuan pengurusan stok – mengelakkan kekurangan stok, mengelakkan kelewatan penghantaran, melicinkan pros pengeluaran



## Bahan Mentah

- Sumber semula jadi yang digunakan dalam proses pengeluaran untuk hasilkan baran separa siap atau produk siap
- Perlu di uruskan dengan baik supaya berada dalam keadaan segar dan berkualiti




## Produk Siap

- Produk akhir yang sedia untuk dipasarkan
- Menepati piawaian yang ditetapkan
- 2 kaedah memeriksa kualiti produk siap – kaedah pemeriksaan menyeluruh dan pelan pensampelan


## 2.2 PROSEDUR MENGURUSKAN SUMBER FIZIKAL YANG DIPERLUKAN DALAM OPERASI SESEBUAH PERNIAGAAN

### Perlindungan Insurans Keselamatan

- 
- Insurans keselamatan bagi melindungi bangunan, mesin, stok serta kilang dari terbakar
  - Melindungi daripada **kehilangan, kerosakan akibat rompakan atau kecurian**. Semua aset usahawan akan dilindungi.
  - Tidak boleh mengambil insurans untuk risiko – **perlindungan wang, stok tertanggung, jaminan kesetiaan pekerja**

### PROSEDUR MENGURUS SUMBER FIZIKAL


#### Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang

- Mesin, peralatan teknologi **perlu di selenggara secara berkala** bagi memastikan operasi berjalan lancar
  - Penyediaan jadual pemeriksaan untuk memastikan **kerosakan peralatan dapat dicegah** sebelum peralatan rosak.
- 

# INSURANS

JENIS	HURAIAN
Insurans Kebakaran	Melindungi perniagaan daripada risiko kebakaran yang mungkin berlaku pada bangunan, mesin, stok serta kilang
Insurans Kecurian	Melindungi harta atau wang perniagaan daripada kes kecurian atau rompakan.
Insurans Liabiliti Awam	Melindungi pemilik perniagaan daripada tuntutan orang awam jika risiko berlaku di premis perniagaan
Insurans Jaminan Kesetiaan Pekerja	Melindungi majikan daripada kerugian yang disebabkan ketidaksetiaan pekerja seperti pecah amanah, penipuan dan kecurangan
Insurans Liabiliti Majikan	Melindungi majikan atas tuntutan pekerja yang cedera atau mati semasa kerja

## 2.3 TUJUAN MENGURUS SUMBER TEKNOLOGI YANG DIPERLUKAN DALAM OPERASI SESEBUAH PERNIAGAAN



# HARTA INTELEK



**Reka Bentuk**



**Video**

Hasil kreativiti  
atau ciptaan  
daya intelektual  
seseorang


Sejenis harta  
yang boleh  
dijual, dibeli,  
dipindah milik,  
disewakan dan  
diwasiatkan



**Lukisan**

Pemilik diberi  
hak eksklusif

Diuruskan bagi  
mengelak  
ancaman cetak  
rompak,  
barangan tiruan,  
penggunaan  
tanpa kebenaran



**Muzik**

# LESEN PERISIAN

## Lesen



- perjanjian antara pemilik dengan pengguna perisian
- Penggunaan tanpa lesen menyalahi undang-undang
- Usahawan perlu menggunakan perisian tulen dalam organisasi

# KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN



- \* Pekerja yang mempunyai kemahiran tinggi dan berpengalaman dapat menjamin kualiti dan produktiviti perniagaan
- \* Organisasi perlu selalu memastikan pekerja mahir dan berpengalaman kekal bekerja dengan mereka

# SOALAN OBJEKTIF

1. Manakah merupakan sumber fizikal sebuah gudang ?
  - A. Pekerja mahir
  - B. Bahan mentah
  - C. Kilang dan mesin
  - D. Bangunan dan peralatan

2. Antara yang berikut, tindakan manakah yang dilakukan oleh usahawan untuk mengekalkan sumber fizikal supaya dapat berfungsi dengan baik?

I. Baik pulih

II. Kemas kini

III. Pengubahsuaian

IV. Penyelenggaraan

A. I dan II

B. I dan IV

C. II dan III

D. III dan IV

# JAWAPAN

1. D
2. B

# SOALAN ESEI

## 1. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Encik Raju.

Encik Raju memulakan perniagaan runcit yang dikenal sebagai MrRaju Mini Mart. Beliau membeli sebuah premis yang bersaiz 2250 kaki di pinggir bandar dengan simpanan sendiri. Beliau membeli sebuah van secara sewa beli untuk menghantar barang belian pelanggan. Untuk memudahkan urusan perakaunan perniagaan, beliau menggaji seorang kerani akaun dengan menyediakan komputer dan pencetak komputer. Beliau menjual pelbagai jenis barang pengguna dan memastikan stok barang runcit sentiasa mencukupi.

# Soalan Satu

- a) Senaraikan **lima** sumber fizikal yang dimiliki oleh perniagaan Encik Raju. [5 markah]
  
- b) Apakah prosedur yang perlu diambil oleh Encik Raju untuk menguruskan sumber fizikal perniagaannya? [6 markah]
  
- c) Jelaskan tujuan pengurusan sumber fizikal tersebut. [4 markah]

# JAWAPAN – Soalan Satu

(a) Sumber fizikal yang dimiliki oleh

Perniagaan Raju ialah:

- Premis kedai
- Van
- Komputer
- Mesin pencetak
- Stok Barang

- (b) - Perlindungan insurans dan keselamatan
- Insurans kebakaran bagi melindungi bangunan premis dan stok daripada kebakaran.
  - Insurans kecurian melindungi perniagaan daripada kehilangan atau kerosakan akibat rompakan atau kecurian.
  - Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang
  - Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi perlu sentiasa di selenggara secara berkala bagi memastikan operasi berjalan lancar.
  - Pengurusan baik pulih peralatan perlu sentiasa dirancang bagi memastikan jika berlaku kerosakan, dapat diselesaikan dengan segera

(c) Tujuan menguruskan sumber fizikal tersebut:

- Memastikan premis kedai dalam keadaan selamat
- Memastikan komputer dan mesin pencetak berfungsi dan boleh digunakan bagi memudahkan urusan perniagaan
- memastikan stok barang sentiasa mencukupi dan terlindung daripada risiko kecurian dan kerosakan
- melancarkan aktiviti perniagaan dan meningkatkan keuntungan

# SOALAN DUA

2. Huraikan tujuan penggunaan teknologi maklumat dalam sesebuah organisasi perniagaan. [6 markah]

# JAWAPAN

- Tujuan penggunaan teknologi dalam sesebuah organisasi perniagaan :
  - Membantu memudahkan sistem operasi
  - Membuat keputusan, menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku-meningkatkan komunikasi dalam organisasi
  - Memperoleh maklumat dengan mudah dan cepat
  - Diperlukan daripada pelbagai sumber melalui ICT
  - Memperluas skop perniagaan
  - Daripada berurusan secara fizikal kepada secara maya
  - Memudahkan aktiviti kewangan dan perakaunan
  - Lebih mudah dan cepat, tepat dan berkesan
  - Menjadikan operasi perniagaan lebih efektif dan efisien
  - Membuat keputusan berdasarkan maklumat yang tepat
  - Meluaskan pasaran perniagaan
  - Merentasi tanpa sempadan
  - Mewujudkan hubungan dan jaringan lebih luas
  - Mempercepatkan sistem pengeluaran dan pengedaran